

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 31 MAC 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 22

SPMS pacu produktiviti, pendapatan peneroka Felda

SPMS pacu produktiviti, pendapatan peneroka Felda



Penyerahan kit panduan mekanisasi perladangan Felda kepada wakil peneroka.

Abd Halim (dua dari kanan) ketika merasmikan SPMS sempena Hari FELTECH 2022 pada Rabu.

BANGI - Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) telah melancarkan Sistem Pengurusan Ladang Pintar (SPMS) sebagai antara tunjang memperkasakan pengurusan ladang peneroka dengan asimilasi teknologi yang berkongseian perladangan pintar.

Pengarah Besar Felda, Datuk Amiruddin Abdul Satar berkata, SPMS merupakan sistem yang dibangunkan dengan capaian data menggunakan teknologi UAV (*Unmanned Aerial Vehicle*) atau dron bagi model pertanian pintar untuk merealisasikan konsep pertanian jitu atau pertanian digital.

"Ia bertujuan membantu meningkatkan produktiviti serta kecekapan sekali

gus mengurangkan kos operasi ladang," katanya ketika berucap dalam Majlis Pelancaran SPMS sempena Hari Teknologi Felda 2022 (FELTECH 2022) di sini pada Rabu.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Ahli Lembaga Pengarah merangkap Pengurus Jawatankuasa Kelestarian Felda, Abd Halim Abd Majid.

Pelancaran SPMS ini merupakan satu inisiatif proaktif bagi menggalakkan penerimaman teknologi dan mekanisasi ladang di semua rancangan Felda.

SPMS telah diintegrasikan dengan sistem e-GIS (*Geographical Information System*) Felda sedia ada yang boleh digunakan bagi analisis kawasan, dirian

pokok, status kesihatan pokok, kawasan kosong, penggunaan buruh dan anggaran hasil bagi ladang peneroka.

Sementara itu, Abd Halim ketika berucap pada majlis sama berkata, dengan adanya SPMS, ia secara tidak langsung dapat mengubah cara kerja Felda ke arah teknologi dan mekanisasi serta solusi pertanian secara digital dalam melaksanakan pertanian persis iaitu *precision farming* atau *precision agriculture* khususnya dalam inventori perladangan.

SPMS turut dapat membantu meningkatkan hasil sawit, mengurangkan kos serta meningkatkan produktiviti dan efisiensi, di samping memberi impak

yang besar kepada warga Felda, terutama dalam meningkatkan tahap sosio-ekonomi peneroka.

Seramai 1,800 peserta yang majoritiannya terdiri daripada warga Felda menghadiri program FELTECH 2022 yang diadakan selama dua hari bermula Rabu.

Antara objektif pengajuran FELTECH 2022 ialah menyebarkan pelaksanaan teknologi dan mekanisasi ladang di semua rancangan Felda, meningkatkan kesedaran warga Felda tentang kebaikan penggunaan mekanisasi dan memperkasakan pengurusan operasi ladang menggunakan teknologi dan mekanisasi dengan sokongan padu dan penglibatan daripada peneroka.